



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web:  
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>



Ruj. Kami : ANM(A)MEL/69(103)  
Tarikh : 22 November 2017  
Bersamaan : 03 Rabiulawal 1439H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pejabat Pemungut

Tuan,

**PERATURAN PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

**1. TUJUAN**

Surat ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung peraturan penutupan akaun bagi tahun 2017 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Pemungut.

**2. TARIKH AKHIR BAYARAN DAN TEMPOH AKAUN KENA BAYAR**

- 2.1 Perbendaharaan Malaysia telah menetapkan tarikh akhir bayaran bagi perbelanjaan tahun 2017 adalah pada 15 Disember 2017 atau jika perbelanjaan tahun 2017 mencecah defisit fiskal 3 peratus.
- 2.2 Selain itu, Perbendaharaan juga turut menetapkan **TIADA** tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) bagi urusan pembayaran bagi tahun kewangan 2017.
- 2.3 Perbelanjaan tahun 2017 yang tidak sempat dibayar sebelum tarikh akhir bayaran perlu dibayar pada tahun hadapan tertakluk setelah mendapat kelulusan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).
- 2.4 Walau bagaimanapun, permohonan untuk pembayaran di bawah AP58(a) bagi perbelanjaan rutin bulanan bagi kontrak jangka panjang tidak akan dipertimbangkan.

### 3. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

- 3.1 Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2017, setiap PTJ hendaklah mematuhi tarikh akhir penyerahan dokumen seperti berikut:

| Bulan         | Jenis Dokumen Kewangan Tahun 2017 | Tarikh Akhir Peraku 2                              | Catatan   |
|---------------|-----------------------------------|--|---|
| Disember 2017 | Baucar Bayaran                    | 8 Disember 2017 (Jumaat)                           | Tarikh akhir tertakluk kepada pindaan melalui arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. |
|               | Baucar Bayaran (Kuri)             | 13 Disember 2017 (Rabu)                            |   |
|               | Penyata Pemungut                  | 29 Disember 2017 (Jumaat)<br>(Sebelum 2.00 petang) |   |
|               | Baucar Jurnal                     | 15 Disember 2017 (Jumaat)                          |   |
|               | Waran Peruntukan                  | 27 Disember 2017 (Rabu)                            |   |
| Januari 2018  | Penyata Pemungut (C.I.T)          | 2 Januari 2018 (Selasa)                            |   |

### 4. TARIKH AKHIR URUSAN KAUNTER BANK

- 4.1 Selaras dengan AP 78 (b), semua terimaan tahun 2017 hendaklah dimasukkan ke dalam akaun bank kerajaan dengan mematuhi tarikh dan masa seperti berikut:

| Bank    | Jenis Terimaan              | Tarikh dan Masa Akhir                    | Cawangan                             |
|---------|-----------------------------|--|--------------------------------------|
| MAYBANK | Tunai / EFT                 | 28 Disember 2017<br>(Sebelum 11.00 pagi) | Alor Gajah,<br>Jasin dan<br>Merlimau |
|         | Cek / Deraf Bank / Wang Pos | 22 Disember 2017<br>(Sebelum 10.30 pagi) |                                      |



|                       |   |   |  |
|-----------------------|---|---|--|
| <b>HONG<br/>LEONG</b> | Tunai / EFT                                       | 29 Disember 2017<br>(Sebelum 12<br>tengahari) | Jalan Ong Kim<br>Wee, Masjid<br>Tanah, Muar<br>dan Segamat |
|                       | Cek / Deraf<br>Bank / Wang<br>Pos / e-<br>Payment | 28 Disember 2017<br>(Sebelum 10.30 pagi)      |  |
|                       | Cash In Transit<br>(C.I.T)                        | 2 Januari 2018<br>(Sebelum 2 petang)          | Jalan Ong Kim<br>Wee SAHAJA                                |

4.2 PTJ / Pejabat Pemungut di kawasan Alor Gajah, Jasin dan Merlimau perlu menggunakan kaunter bank Hong Leong Islamic Bank bagi membankkan terimaan tahun 2017 setelah tarikh akhir urusan kaunter MAYBANK.

4.3 Penyata Pemungut bagi terimaan melalui e-Payment yang diterima selepas 28 Disember 2017 hendaklah disediakan dan diluluskan pada 2 Januari 2018 untuk diperakaunkan sebagai terimaan tahun 2017.

**5. TERIMAAN YANG TIDAK SEMPAT DIMASUKKAN KE DALAM BANK DALAM TAHUN SEMASA (CASH IN TRANSIT)**

5.1 Terimaan yang diterima pada akhir tahun 2017 yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank pada tahun semasa hendaklah dimasukkan ke bank pada 2 Januari 2018 untuk diperakaunkan sebagai terimaan tahun 2017.

5.2 Penyata Pemungut yang telah disediakan dalam tahun 2017 tetapi masih belum diperaku 2 hendaklah dibatalkan, dan Penyata Pemungut baharu menggunakan tahun kewangan 2017 perlu disediakan pada 2 Januari 2018.

5.3 PTJ / Pejabat Pemungut perlu memastikan akaun bank yang dipilih semasa penyediaan penyata pemungut adalah nombor akaun bank di mana terimaan akan dimasukkan. Penyata Pemungut yang menggunakan kod bank yang salah akan ditolak oleh pihak Bank.

5.4 Kod bank yang perlu digunakan semasa penyediaan Penyata Pemungut Cash In Transit adalah seperti berikut:

| Bank                    | Kod Bank | Nombor Akaun |
|-------------------------|----------|--------------|
| Hong Leong Islamic Bank | HLBBMYKL | 29401000167  |

- 5.5 Selaras dengan AP126, Ketua Pejabat bagi setiap PTJ / Pejabat Pemungut adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyimpanan selamat terimaan yang belum dimasukkan ke dalam bank.

## 6. PENGAWASAN TERIMAAN JENIS CEK DAN WANG POS

- 6.1 Setiap PTJ / Pejabat Pemungut hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi Bagi mengelakkan cek / kiriman wang / wang pos ditolak oleh pihak bank:-
- 6.1.1 Cek yang diterima perlu dipastikan telah ditandatangani dengan sempurna dan tidak rosak; dan
  - 6.1.2 Kiriman wang / wang pos yang diterima perlu dipastikan masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya satu (1) bulan selepas tarikh 31 Disember 2017.

## 7. REKUPMEN TERAKHIR PANJAR DAN SIJIL PERAKUAN PANJAR

### 7.1 Rekupmen Terakhir

- 7.1.1 Baucar bayaran bagi rekupmen terakhir panjar perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 8 Disember 2017 atau pada tarikh yang lebih awal berdasarkan arahan dari semasa ke semasa.
- 7.1.2 Baucar bayaran bagi rekupmen terakhir hendaklah dicop "REKUPMEN TERAKHIR" di sudut kanan atas pada setiap helaian baucar menggunakan dakwat merah.
- 7.1.3 Perihal baucar bayaran rekupmen terakhir perlu menyatakan "Rekupmen Akhir Panjar Wang Runcit Tahun 2017" dan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap termasuk Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit yang telah ditandatangani pegawai yang diberi kuasa.
- 7.1.4 Rekupmen panjar yang telah diluluskan hendaklah ditunaikan selewat-lewatnya pada 15 Disember 2017.

### 7.2 Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit

- 7.2.1 Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit hendaklah disediakan berdasarkan format yang ditetapkan dan dikemukakan kepada Jabatan ini berserta dokumen-dokumen berikut selewat-lewatnya pada 11 Januari 2018 (Khamis):
  - a) Sesalinan baucar bayaran rekupmen terakhir / baucar bayaran rekupmen terkini jika tidak membuat rekupmen akhir; dan



- b) Sesalanan laporan FBLIN boleh dimuatturun dari komputer yang disediakan di kiosk Jabatan ini mulai 5 Januari 2018.

7.2.2 Jabatan ini tidak akan meluluskan baucar bayaran rekupmen bagi tahun 2018 sekiranya PTJ gagal mengemukakan Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit kepada Jabatan ini.

## 8. PEMBAYARAN GAJI MELALUI BAUCAR BAYARAN

- 8.1 Pembayaran gaji bulan Disember 2017 bagi kakitangan yang berada di luar sistem Payroll hendaklah dibayar menggunakan cek.
- 8.2 Setiap PTJ dibenarkan untuk membuat pembayaran gaji bulan November dan Disember 2017 kepada Pekerja Sambilan Harian menggunakan Modul Baucar Bayaran – Gaji Selain Kakitangan Tetap tanpa perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan ini.
- 8.3 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengutip semula lebihan bayaran kepada kakitangan, jika ada.

## 9. AKAUN AMANAH

- 9.1 Perbelanjaan menggunakan dana Akaun Amanah bagi perbelanjaan tahun 2017 yang tidak dapat dibayar dalam tahun semasa boleh dikemukakan bermula 3 Januari 2018 untuk diperakaunkan sebagai perbelanjaan tahun 2018.
- 9.2 PTJ diminta untuk memastikan baucar bayaran amanah yang disediakan bermula 3 Januari 2017 hendaklah menggunakan tahun kewangan 2018 dan pembayaran bagi baucar jenis ini tidak memerlukan kelulusan di bawah AP58(a).

## 10. AKAUN TRANSIT BAYARAN

- 10.1 PTJ yang telah diluluskan pembukaan akaun transit bayaran oleh Bahagian Pengurusan Operasi Pusat dan Agensi, JANM hendaklah memastikan akaun transit tersebut berbaki sifar pada 31 Disember 2017. Salinan penyata akaun bank bagi tempoh berakhir 31 Disember 2017 hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk tujuan rekod.
- 10.2 Baki akaun, jika ada, hendaklah diagihkan kepada penerima yang sepatutnya atau dikreditkan semula kepada vot tahun semasa selewat-lewatnya pada 15 Disember 2017.

Kerjasama setiap Ketua Jabatan adalah diminta untuk mematuhi tarikh dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan proses penutupan akaun berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.


**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II"**

**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"**

Saya yang menurut perintah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

\\10.65.82.81\fs\_operasi\Unit Akaun\Peraturan Penutupan 2017  
s.k. Fail timbul.